

**KENYATAAN DATUK BANDAR  
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI  
MESYUARAT MAJLIS PENUH  
26 OGOS 2022**

---

**1. PELANTIKAN PEGAWAI KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL**

Dengan ini dimaklumkan bahawa Encik Muhamad Afiq Azizi Bin Othman telah dilantik menjadi Akauntan Gred WA41 di Jabatan Perbendaharaan, berkuatkuasa 1 Ogos 2022. Berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Perakaunan Dengan Kepujian. Ucapan setinggi-tinggi tahniah dan diharapkan dapat menjalankan amanah dengan sebaik - baiknya.

**2. TARIKH AKHIR PROMOSI BAYARAN CUKAI TAKSIRAN, SEWAAN GERAI / KOMPLEKS DAN KOMPAUN DIREKTORAT MBSP MELALUI APLIKASI ASPIRE SEBERANG PERAI**

Dimaklumkan bahawa promosi “Bayar Cukai Taksiran, Sewaan Gerai / Kompleks Dan Kompaun Direktorat MBSP Melalui Aplikasi ASPIRE Seberang Perai” telah bermula pada 23 Mei 2022 dan akan tamat pada 31 Ogos 2022.

Promosi ini adalah sebagai insentif dan galakan berterusan kepada warga Seberang Perai supaya membayar cukai taksiran, sewaan gerai / kompleks dan kompaun MBSP dalam tempoh yang ditetapkan secara *online* dengan menggunakan aplikasi terbaru yang diperkenalkan MBSP iaitu **ASPIRE Seberang Perai**.

Aplikasi ASPIRE Seberang Perai telah dilancarkan pada 24 Mei 2022. Bersempena dengan pelancaran tersebut, satu program promosi cabutan bertuah telah diadakan dengan menawarkan **dua (2) kategori cabutan bertuah** dengan hadiah yang lumayan kepada mereka yang memuat turun aplikasi dan membuat pembayaran cukai taksiran, sewaan gerai/kompleks atau kompaun direktorat MBSP melalui ASPIRE Seberang Perai.

Cabutan nama pemenang yang bertuah akan ditentukan selepas Mesyuarat Majlis Penuh pada bulan September 2022 nanti. Syarat-syarat penyertaan serta hadiah yang ditawarkan boleh diperolehi dengan melayari <https://aspire.mbsp.gov.my> atau <https://mbsp.gov.my>

Sila hubungi di talian 04-5497470 / 471 / 468 / 696 / 697 / 790 untuk pertanyaan serta maklumat lanjut mengenai bil cukai taksiran anda atau emel di [aspire.mbsp.gov.my](mailto:aspire.mbsp.gov.my)

Aplikasi ASPIRE Seberang Perai boleh di muat turun di Apple App Store, Google Play Store dan Huawei AppGallery

### **3. TARIKH AKHIR BAYARAN CUKAI TAKSIRAN PENGGAL KEDUA 2022 DAN TARIKH PENGENAAN NOTIS E TAKSIRAN**

Dimaklumkan bahawa pada 31 Ogos 2022 (Rabu) merupakan hari terakhir pembayaran cukai taksiran bagi Penggal Kedua 2022. Mulai 1 September 2022, caj Notis E Taksiran sebanyak RM10.00 akan dikenakan ke atas akaun pembayar cukai yang masih gagal menjelaskan cukai taksiran dalam tempoh yang telah ditetapkan.

Diharapkan pembayar cukai yang belum menjelaskan cukai taksiran supaya membuat bayaran dengan kadar **SEGERA**.

Bayaran boleh dibuat secara online seperti berikut:-

1. Laman web MBSP iaitu <https://www.mbsp.gov.my> iaitu di **menu Perkhidmatan DalamTalian – CukaiKadaran / Taksiran**
2. Portal Gerbang Pembayaran MBSP iaitu <https://mbsppay.mbsp.gov.my>
3. Portal ebayar Penang iaitu <https://ebayar.penang.gov.my>
4. Portal PBTPay KPKT iaitu <https://pbtpay.kpkt.gov.my>
5. Perbankan internet seperti Maybank2u, CIMB Click dan sebagainya.
6. Jom Pay dengan menggunakan **Biller Code: 5322**
7. Aplikasi Boost, Shopee, Touch N Go eWallet

Pembayaran juga boleh dibuat di kaunter MBSP (Menara Bandaraya dan cawangan), Kiosk PayQuik serta di kaunter kedai 7 Eleven seluruh Malaysia serta agen-agen sah yang telah dilantik MBSP.

Sila hubungi di talian 04-5497470 / 471 / 468 / 696 / 697 / 790 untuk pertanyaan serta maklumat lanjut mengenai bil cukai taksiran anda.

#### **4. PROGRAM MESRA PELANGGAN SIRI 2/2022**

Dimaklumkan bahawa MBSP akan menganjurkan Program Mesra Pelanggan Siri 2/2022 pada 28 Ogos 2022 (Ahad) bermula jam

10.00 pagi hingga 4.00 petang di Setia Experience Centre, Bandar Setia Fontaines, Kepala Batas, Seberang Perai Utara.

Program ini mensasarkan permohonan melibatkan pindaan dan tambahan kepada rumah kediaman di taman perumahan (Buku Panduan) dengan kelulusan serta merta diberikan semasa program ini berlangsung.

Maklumat lanjut mengenai terma dan syarat sila layari laman web <https://www.mbsp.gov.my> atau hubungi talian 04-5497737 atau email di [onlinebgn.gov.my](mailto:onlinebgn.gov.my)

#### **5. PELANJUTAN OPERASI KAUNTER BERPUSAT SEMPENA HARI TERAKHIR BAYARAN CUKAI TAKSIRAN SETENGAH TAHUN KEDUA 2022**

Adalah dimaklumkan bahawa operasi bayaran Kaunter Berpusat MBSP Bandar Perda akan dilanjutkan sehingga jam 8.00 malam pada 30 Ogos 2022 bersempena dengan hari terakhir kutipan cukai taksiran setengah tahun kedua 2022 bagi memberi kemudahan kepada para pelanggan dan stakeholder. Selain daripada itu, bayaran turut boleh dilakukan secara atas talian (online) di laman web MBSP iaitu [www.mbsp.gov.my](http://www.mbsp.gov.my) atau *cyber counter*, kiosk dan perbankan internet.

## **6. KEMPEN PENANAMAN POKOK SERENTAK DAN PERTANDINGAN FOTOGRAFI BERSAMA WARGA SEBERANG PERAI SEMPENA SAMBUTAN HARI BANDARAYA SEBERANG PERAI**

Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) ingin menjemput penduduk Seberang Perai untuk bersama-sama menanam pokok sempena *Planting Hour Of Seberang Perai* yang akan diadakan serentak pada 24 September 2022 sempena sambutan Hari Bandaraya. Ini juga selari dengan manifesto Kerajaan Negeri untuk mencapai penanaman pokok sebanyak 600,000 batang pokok menjelang tahun 2030 serta Sasaran MBSP bagi tahun 2022 adalah untuk menanam 30,000 batang pokok setahun.

Pelaksanaan kempen ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran semua pihak mengenai pentingnya kawasan litupan hijau untuk kesejahteraan dan kualiti hidup selain usaha untuk menambahbaik ekosistem dan biodiversiti. Kempen ini juga bertujuan memupuk semangat cintakan alam semula jadi melalui penanaman pelbagai jenis pokok kepada segenap lapisan masyarakat. Objektif pelaksanaan program ini adalah untuk mengekalkan kawasan hijau di seluruh Seberang Perai; meningkatkan kesedaran terhadap kepentingan pokok serta memupuk semangat cintakan alam semula jadi; dan meningkatkan kesedaran semangat pengekalan kawasan hijau;

Pendaftaran boleh dibuat melalui google form <https://forms.gle/fWWo4hsCHwQNKsw87> bermula 29 Julai 2022 sehingga 16 September 2022.

Program ini terbuka kepada seluruh warga Seberang Perai yang berumur 13 tahun ke atas dan beralamat di Seberang Perai. Penyertaan terbuka kepada individu dan berkumpulan. Lokasi penanaman pokok yang dibenarkan untuk ditanam adalah seperti berikut :

- a. Lot Persendirian / Tanah Persendirian
- b. Kawasan Agensi-agensi kerajaan (Contoh: Hospital)
- c. Kawasan Agensi-agensi swasta (Contoh: Kilang)
- d. Institusi Pendidikan (Contoh: Sekolah, Kolej, Politeknik, Universiti dan lain-lain yang berkaitan)
- e. Semua lokasi-lokasi di atas perlulah mendapatkan kebenaran daripada pemilik atau agensi masing-masing

Peserta-peserta perlu bergambar bersama pokok yang ditanam dan dimuatnaik di IG Persendiriran dengan #PlantingHoursOfSeberangPerai & #SeberangPeraiCityCouncil.

Hadiah akan diberikan kepada fotografi yang paling kreatif. Bersama-sama ini di lampirkan poster penanaman pokok serentak dan pertandingan fotografi untuk tindakan selanjutnya.

Antara hadiah yang bakal dimenangi adalah;

- **Pertama:** Wang Tunai RM1000 dan Sijil Penghargaan
- **Kedua:** Wang Tunai RM700 dan Sijil Penghargaan
- **Ketiga:** Wang Tunai RM400 dan Sijil Penghargaan
- **Saguhati:** Wang Tunai RM100 x 7 dan Sijil Penghargaan

## **7. SELAMAT MENYAMBUT HARI KEMERDEKAAN YANG KE-65**

Tema “Keluarga Malaysia Teguh Bersama” dipilih sebagai tema Hari Kemerdekaan pada tahun ini, selari dengan konsep keharmonian keluarga Malaysia. Logo tahun ini berkonsepkan jalur liputan internet melambangkan pembangunan infrastruktur, sistem komunikasi serta pendigitalan yang semakin maju dan berkembang untuk kemudahan rakyat.

Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Kemerdekaan yang Ke-65 pada 31 Ogos 2022 (Rabu) kepada seluruh warga Seberang Perai dan Negeri Pulau Pinang. Hari tersebut merupakan hari kelepasan am.

## **8. SELAMAT MENYAMBUT HARI MALAYSIA**

Dimaklumkan Hari Malaysia akan disambut pada 16 September, pada setiap tahun untuk memperingati penubuhan Persekutuan Malaysia di mana Sabah dan Sarawak telah menyertai Malaysia pada 1963. 16 September 2022 merupakan hari Jumaat dan hari tersebut merupakan hari kelepasan am. Saya ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Malaysia kepada seluruh warga Seberang Perai dan Negeri Pulau Pinang.

## **9. SELAMAT MENYAMBUT HARI BANDARAYA**

Dimaklumkan pada 16 September 2022, Majlis Bandaraya Seberang Perai akan menyambut Hari Bandaraya yang Ke-3. Majlis Perbandaran Seberang Perai secara rasminya dinaik taraf dan dikenali Majlis Bandaraya Seberang Perai pada 16 September 2019. MBSP merupakan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang ke-15 diiktiraf sebagai Majlis Bandaraya di Negara ini.

MBSP akan mengadakan pelbagai program sepanjang bulan September 2022, sempena Sambutan Hari Bandaraya . Antara program yang akan diadakan adalah seperti;

- a. Pertandingan memancing;
- b. Program penanaman pokok & jualan pokok;



- c. *Jualan My Best Buy*;
- d. Promosi Pengurangan Kompaun;
- e. Pertandingan Memasak ;
- f. Karnival 8R;
- g. Pertandingan Fotografi sempena Hari Bandaraya;
- h. Pertandingan Teka Silang Kata;
- i. Pertandingan Pidato Piala Datuk Bandar;
- j. Forum Perdana;
- k. Dan banyak lagi

**SEKIAN, TERIMA KASIH.**